

POLA PENYELESAIAN SENGKETA PILKADA OLEH PANITIA PENYELENGGARA PEMILU

(Sebuah Kajian Metode Fenomenologi di Kota Lhokseumawe)

Oeh: Eka Januar

Dosen Ilmu Politik.

Fakultas ilmu Sosial dan Ilmu Pemerintahan UIN Ar-Raniry Banda Aceh.

Email: ekajanuar.1984@gmail.com

ABSTRAK

Panitia Pengawasan Pemilu dalam melakukan pengawasan terhadap Pilkada Aceh 2012. Kajian difokuskan di Kota Lhokseumawe. fokus yang dikaji adalah bagaimana peran dan keberadaan Panwaslu dalam melakukan fungsi pengawasan, serta sistem yang digunakan untuk menyelesaikan konflik Pilkada. Kajian ini menggunakan teori demokrasi dengan di bantu oleh beberapa konsep antaranya partisipasi politik, pemilu dan konsep pengawasan. Kajian menggunakan metodologi kualitatif melalui pengumpulan data primer dan sekunder. Kasuseluruhan data tersebut dianalisis secara analisis deskriptif. kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa Panwaslu mempunyai mekanisme tersendiri untuk menangani berbagai penyelewengan dan konflik pilkada dalam rangka penegakan peraturan perundangan serta mewujudkan suasana harmoni antara berbagai pihak yang terlibat dalam pilihan raya.

Keywords: Pemilu, Pengawasan.

A. PENDAHULUAN

Perkembangan demokrasi di Indonesia setelah Orde Baru hingga kini telah mengembangkan pemikiran dari rakyat untuk mengimplementasikan asas kedaulatan rakyat dengan berbagai cara, sehingga dalam setiap sudut kehidupan

nilai-nilai kedaulatan rakyat selalu menjadi keutamaan rakyat Indonesia. Sebelum ini kedaulatan mereka hanya pada partisipasi dalam pilihan raya untuk memilih anggota parlimen yang menjadi perwakilan rakyat. kini rakyat menuntut peranan tidak hanya pada pemilihan anggota Dewan perwakulan rakyat saja malah memilih Presiden juga pemilihan kepala daerah.

Pilihan raya secara langsung oleh rakyat merupakan simbol kedaulatan rakyat untuk menghasilkan pemerintahan yang demokrasi berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945. Undang-Undang Dasar 1945 dalam Pasal 1 ayat (2) menyatakan bahwa “kedaulatan berada di tangan rakyat dan dilaksanakan menurut Undang-Undang Dasar”. Penyelenggaraan pilihan raya secara bebas dapat diwujudkan apabila dilaksanakan oleh penyelenggara pilihan raya yang mempunyai integriti, profesionalisme dan bertanggung jawab.

Akuntabiliti bererti setiap pihak yang terlibat dalam penyelenggaraan pilihan raya harus mempertanggung jawabkan pelaksanaan tugas kepada masyarakat baik secara politik maupun secara undang-undang. Bertanggung jawab secara

politik bererti setiap unsur yang terlibat dalam penyelenggaraan pilihan raya mempunyai kewajiban menjelaskan kepada masyarakat fungsinya dan alasan tindakan yang diambil. Bertanggung jawab secara undang-undang bererti setiap pihak yang didakwa melakukan pelanggaran undang-undang perihal asas-asas pilihan raya yang demokrasi wajib tunduk pada proses melaksanakan undang-undang, berdasarkan asas menunggu putusan mahkamah terhadap sebuah pelanggaran (*due process of law*) yang diatur dalam undang-undang jenayah (Adab, 2003 : 8-9).

Oleh kerana itu, salah satu prasyarat penting dalam penyelenggaraan pilihan raya di negara demokrasi adalah penyelenggaraan pilihan raya dilaksanakan oleh institusi yang bebas dari pemerintah (Ahmad Nadir, 2005 : 156). Undang-Undang Dasar 1945 dalam pasal 22 ayat (5) menggariskan bahawa “pilihan raya diselenggarakan oleh suatu Jawatan Kuasa Pilihan Raya yang bersifat nasional, tetap dan bebas” Sifat nasional mencerminkan bahawa tugas dan tanggung jawab Jawatan Kuasa Pilihan Raya sebagai penyelenggara pilihan raya meliputi seluruh wilayah Negara Kasusatuan Republik Indonesia. Sifat tetap menunjukkan Jawatan

Kuasa Pilihan Raya sebagai institusi yang menjalankan tugas secara berterusan meskipun dibatasi oleh waktu. Sifat bebas menegaskan bahawa Jawatan Kuasa Pilihan Raya dalam menyelenggarkaan dan melaksanakan pilihan raya bebas dari pengaruh pihak manapun.

Pada 9 April 2012, Provinsi Aceh melakukan pilihan raya, di mana rakyat Aceh melakukan Pilihan Gabenor dan Timbalan Gabenor, Bupati dan Timbalan Bupati, Walikota dan Timbalan Walikota secara bersamaan di 17 Kabupaten dan Kota. Pilihan tersebut di ikuti sebanyak 5 pasangan calon untuk Gabenor dan Timbalan Gabenor serta 137 pasangan calon untuk Bupati dan Walikota. "Untuk peringkat Kabupaten sebanyak 103 pasangan calon, dengan 43 dari jalur parti politik, 60 jalur Bebas (*independent*). Untuk Kota sebanyak 34 pasang, 15 yang menggunakan jalur parti politik, dan 19 dari jalur bebas (*independent*). Kasuseluruhan pasangan calon yang akan bertanding mulai dari peringkat Gabenor, Bupati dan Walikota sebanyak 142 pasangan calon.

Akan tetapi, PRA yang pada mulanya direncanakan berlangsung pada tahun 2011 telah bertukar ke tahun 2012 setelah terjadinya lima kali pertukaran jadual iaitu 10 Oktober 2011, 14 November 2011, 24 Desember 2011, 16 Februari 2012, dan 9 April 2012. Ini disebabkan berlakunya konflik perbezaan pemahaman dalam mentakrifkan peraturan pilihan raya, yang mana sebuah kekuatan politik terbesar di Aceh yaitu Parti Aceh (PA) menolak calon bebas (*Independent*) dalam PRA tahun 2012 kerana bertentangan dengan MoU Helsinki. Iaitu persetujuan damai antara Pemerintah Republik Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka. Menurut pemahaman mereka calon bebas (*independent*) hanya dibolehkan sekali sahaja pada PRA tahun 2006, dan menurut mereka pula hadirnya calon bebas juga bertentangan dengan UUPA (undang-undang pemerintahan Aceh) yang merupakan kasusan dari MoU Helsinki. apabila dibawa kepada Mahkamah Konstitusi (MK) yang merupakan sebuah institusi yang bertanggung jawab dalam menyelesaikan masalah perundang-undangan, akhirnya calon bebas diperbolehkan mengikuti PRA tahun 2012.

Ketika PRA sedang berjalan, kekerasan dan ancaman terhadap calon yang akan bertanding, seperti keganasan, perusakan, dan pembakaran kereta yang digunakan oleh agen calon, keganasan juga telah menjurus kepada kekerasan fisik, bahkan ada calon yang berkampen diluar jadual yang dikeluarkan. mengingat Aceh masih dalam masa peralihan dari konflik kepada damai, keadaan seperti ini sangat susah diatasi oleh Panitia Pengawas Pilihan Raya, mengingat keadaan politik yang tidak aman disebabkan perebutan kerusi kekuasaan, dan jika salah diatasi, konflik antara sesama masyarakat Aceh akan berlaku.

Dalam mengatasi berbagai perkara yang berlaku ini pihak Institusi Pengawasan Pilihan Raya mempunyai tanggung jawab yang besar dalam meredakan keadaan, dan setiap konflik yang terjadi harus dapat diselesaikan secara bijaksana. Pengawasan dari penyelenggaraan pilihan raya tersebut diberikan kepada Badan Pengawala Pilihan Raya dan dibawahnya adalah Panitia Pengawas pilihan raya. Tugas yang berat dan tanggung jawab panitia pengawasan

sebagai pengawal demokrasi di Aceh pada umumnya dan Kota Lhokseumawe pada khasnya merupakan suatu yang menarik untuk diketengahkan sekaligus melihat tentang kewujudan Panitia Pengawasan Pilihan Raya sebagai institusi pilihan raya, juga peranannya dalam mengurangkan permasalahan pilihan raya serta mekanisme dan sistem kerjanya.

Institusi Pengawas Pilihan Raya memiliki peranan dan posisi yang strategis. Institusi ini diposisikan sebagai bertanggung jawab atas semua proses dan hasil pilihan raya, sehingga fungsi pengawasan akhirnya akan berjalan secara efektif. pengawas pilihan raya dibentuk untuk mengawasi pelaksanaan pilihan raya berlangsung sesuai dengan peraturan yang ditetapkan. Pengawasan difungsikan sebagai salah satu faktor penting untuk meningkatkan kualiti pilihan raya, supaya pilihan raya yang berlaku, bebas serta rahsia.

Salah satu faktor yang dapat berpengaruh terhadap kejayaan dalam pengawasan PRA tahun 2012, adalah berkaitan peraturan yang sudah ditetapkan untuk dilaksanakan dengan baik oleh semua pihak berkepentingan. Namun jika

peraturan dilanggar maka akan menjadi faktor penghalang bagi panitia pengawasan dalam menjalankan tugas, kuasa dan kewajibannya sebagai pengawas terutama di Kabupaten dan Kota. Ini kerana mereka adalah sebagai agen penting yang akan mencatat penyelewengan, mengantisipasi terjadinya manipulasi, melaporkan dan menyelesaikan pergaduhan selama pilihan raya berlangsung. Berjaya atau tidak penyelenggaraan pilihan raya termasuk pengawasannya di daerah Kabupaten dan Kota bergantung pada penyelenggara pilihan raya. Dalam konteks PRA. Peranan panitia pengawasan pilihan raya sangatlah diperlukan, kerana jumlah pelanggaran pilihan raya sangatlah banyak.

B. Metode Penelitian

Dalam hal menyelesaikan penelitian jurnal ini, maka penulis menggunakan metode penelitian normatif, dimana untuk menjawa dari permasalahan penulis menggunakan sumber bacaan sebagai sumber utama dalam penelitian jurnal ini.

Adapun teknik yang digunakan adalah pertama penulis mengumpulkan data-data tentang tentang pelaksanaan pilkada di Lhokseumawe, adapun teknik

yang digunakan adalah mealkukan wawancara kepada calon kepala daerah yang

ada di Ihkoseumawe, dan wilayah penelitian adalah kotamadya Lhokseumawe.

C. Hasil Dan Pembahasan

MEKANISME PENYELESAIAN MASALAH DALAM PROSES PILIHAN RAYA.

Penyelesaian Masalah Penyelewengan Pilihan Raya.

Menerima maklumat balas tentang pengaduan penyelewengan pilihan raya, merupakan bahagian dari usaha penegakan undang-undang dalam pilihan raya yang dilakukan oleh panitia dan institusi yang berkaitan. Dalam undang-undang pilihan raya dinyatakan bahawa laporan terhadap berlakunya penyelewengan peraturan pilihan raya boleh diajukan oleh setiap warga negara yang berhak mengundi. Pelaporan terhadap penyelewengan juga boleh diajukan oleh lembaga pemantau Pilihan Raya yang sudah mendapat izin dari Pelaksana Pilihan Raya.

Pertanyaan yang sering dikatakan ketika aduan terhadap penyelewengan pilihan raya ke panitia pengawasan adalah kemungkinan aduan tersebut tidak didiamkan atau hilang begitu sahaja. Maksudnya tindakan apa yang akan dilakukan oleh Panitia Pengawasan ketika menerima aduan penyelewangan. Kekwatiran ini kerana, pengalaman buruk terhadap pengawasan penyelewengan pilihan raya di masa Orde Baru boleh menjadi sebuah penyebab, di mana lembaga

Pengawasan dinilai hanya sebagai formaliti yang beranggotakan orang-orang yang memiliki kepentingan politik untuk memenangkan parti tertentu.

Aturan tugas dan tanggung jawab panitia adalah:


1. Menerima laporan pengaduan.

Pada tahap ini, pengadu menyampaikan kepada Pengawasan Pilihan Raya melalui bahagian penerimaan laporan, baik secara lisan atau tertulis. Panitia Pengawasan boleh menerima laporan dari masyarakat melalui surat, email, sms, mms, faximile, telefon, atau yang datang terus ke pejabat Panitia Pengawasanan.

2. Siasatan awal laporan.

Siasatan awal yang dilakukan oleh bahagian penerimaan laporan Panitia Pengawasan adalah memastikan kelengkapan laporan, permintaan tanggapan dari yang dilapor, serta mendapatkan keterangan dari saksi yang tercatat dalam laporan. Pengumpulan siasatan awal ini dilakukan bahagian yang memproses laporan dalam waktu selambat-lambatnya tiga hari sebelum diserahkan kepada Koordinator yang bertanggung jawab. Proses tersebut dapat dilihat pada rajah berikut ini.

Rajah: 3.6. Alur penerimaan laporan dan pengsiasatan awal.



Sumber : Panitia Pengawas Kota Lhokseumawe 2012.

3. Siasatan laporan oleh bahagian pelaporan.


Siasatan laporan oleh bahagian pelaporan ini merupakan pengkajian mendalam dari hasil siasatan awal yang sudah dilakukan bahagian yang menerima laporan. Koordinator bersama anggota bahagian pelaporan Panitia Pengawasan kemudian membuat keputusan tentang status laporan setelah dilakukan siasatan mendalam dalam waktu 3 hari.

4. Pemberitahuan hasil siasatan.

Hasil siasatan mendalam yang sudah diputuskan oleh bahagian pelaporan Panitia Pengawas Pilihan Raya disampaikan secara tertulis kepada pelapor pihak tertuduh, juga mengumumkan kepada masyarakat tentang siasatan dengan cara melalui papan kenyataan di pejabat Panitia Pengawasan atau

melalui media massa. Laporan penyelewengan yang dinyatakan oleh bahagian laporan sebagai konflik pilihan raya diserahkan bersama seluruh dokumen bukti. Tindak lanjut hasil siasatan diserahkan kepada bahagian tindak lanjut untuk diteruskan kepada institusi berkaitan sesuai dengan kes penyelewengan, penerusan sama ada berkenaan prosedur atau masalah jenayah disampaikan kepada penyelanggara pilihan raya atau kepada pihak polis dalam waktu 24 jam setelah menerima dokumen dari bahagian pemprosesan laporan.

Rajah: 3.7. Alur tindak lanjut dan penerusan laporan



Sumber: Panitia Pengawas Kota Lhokseumawe 2012.

Rajah diatas menunjukkan penyelewengan yang berkaitan prosedur pentadbiran diteruskan kepada penyelenggara pilihan raya yaitu Jawatan Kuasa Pilihan Raya, manakala masalah yang bersifat jenayah maka akan diteruskan kepada pihak polis.

Mengatasi Masalah Konflik Pilihan Raya

Tidak jauh berbeza dengan mekanisme untuk mengatasi penyelewengan pilihan raya yang melibatkan masalah prosedur pentadbiran mahupun jenayah. Dalam mengatasi konflik pilihan raya yang berlaku dalam proses perjalanan pilihan raya, sama ada antara parti politik, pengurus atau pun calon. Panitia mempunyai mekanisme yang dilakukan secara sistematis dengan tujuan untuk menyelesaikan permasalahan pihak yang berkonflik. Lima orang anggota Panitia Pengawasan Kota Lhokseumawe dibahagikan dalam tiga bahagian tugas untuk memudahkan dalam penanganan permasalah-permasalahan penyelewengan yang terjadi, iaitu bahagian pengawasanan, bahagian pelaporan dan tindak lanjut, serta bahagian penyelesaian konflik, pembahagian tersebut disesuaikan dengan kemampuan masing-masing anggota Panitia. Adapun ruang lingkup sengketa pilihan raya yang diselesaikan oleh panitia pengawasan adalah melibatkan anggota atau pengurus parti politik dan peserta pilihan raya, Jawatan Kuasa Pilihan Raya, calon dari jalur bebas, atau lembaga lainnya pada tingkat Kota. Selain itu sengketa yang terjadi dengan keterlibatan pihak-pihak pada Kecamatan yang berbeza, serta konflik yang menurut pertimbangan Panitia tingkat Kecamatan tidak dapat diselesaikan ditingkat Panitia Pengawasan Kecamatan.

Dalam penyelesaian permasalahan konflik pilihan raya di Kota Lhokseumawe Muhammad Rizwan mengatakan:

“..Pihaknya berharap semua yang berlaku dalam proses Pilihan Raya dapat diselesaikan oleh Panitia Pengawasan, dalam penyelesaian itu, Panitia Pengawasan sentiasa mengutamakan perdamaian, kerana itu kami akan memanggil pihak yang berkonflik guna menyelesaikan secara musyawarah sebagai tahap awal untuk mencapai perdamai...”(Rizwan 2012).

Proses dan mekanisme penyelesaian konflik dimulai dari penetapan laporan sebagai jenis konflik oleh Pengawasan. Koordinator bahagian penyelesaian konflik bersama-sama anggota Panitia Pengawasan lainnya kemudian melakukan siasatan terhadap semua dokumen laporan dalam waktu 3 hari. Setelah proses siasatan dokumen ini selesai usaha untuk menyelesaikan dilakukan berdasarkan prosedur berikut:

1. Musyawarah mufakat, Panitia pengawasan secara tertulis menghubungi pihak yang berkonflik mengadakan pertemuan di sekretariat Panitia Pengawasan, undangan ini dilakukan dalam waktu tiga hari sebelum pertemuan. Pertemuan ini disertai oleh anggota Panitia Pengawasan bahagian penyelesaian konflik. Jika musyawarah mencapai kesepakatan. maka hasilnya ditulis dalam berita acara

penyelesaian konflik, bahawa konflik telah selesai. Namun jika tidak ada kata sepakat, maka proses penyelesaian konflik dilanjutkan ketahapan selanjutnya.

2. Penyelesaian melalui alternatif panitia. Pengawas memanggil semula pihak untuk mengadakan pertemuan, dan menawarkan alternatif –alternatif penyelesaian kepada pihak yang berkonflik. Apabila kedua-dua pihak bersetuju, maka keputusan dimasukkan dalam daftar penyelesaian penyelesaian melalui alternativ.
3. Penyelesaian melalui keputusan panitia. Mekanisme ini merupakan tahap terakhir dalam menyelesaikan masalah. Atas cadangan dari panitia mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan konflik, dengan cara membahas dan menyemak semua dokumen yang berisi tanggapan dan keberatan dari para pihak yang berkonflik, usulan bahagian penyelesaian konflik serta peraturan perundangan untuk kemudian dikeluarkan keputusan penyelesaian yang bersifat final dan mengikat. Keputusan final dan mengikat para pihak ini merupakan kewenangan yang diberikan undang-undang pilihan raya bagi Panitia Pengawas. Putusan final ini juga dibuat dalam pelaporan. Setelah keputusan Panitia tersebut disampaikan kepada kedua pihak dan di umumkan kepada masyarakat, maka dengan sendirinya konflik itu dinyatakan selesai.

PENYELESAIAN MASALAH MELALUI PENDEKATAN BUDAYA MASYARAKAT ACEH.

Setiap masalah atau konflik yang timbul dapat mengganggu keseimbangan kehidupan bermasyarakat. Oleh kerana itu, perlu diupayakan supaya setiap konflik dapat diselesaikan supaya keseimbangan kehidupan bermasyarakat dapat dipulihkan. Pada dasarnya, keberadaan cara penyelesaian konflik sama tuanya dengan keberadaan manusia itu sendiri. Dalam setiap masyarakat telah berkembang berbagai tradisi mengenai bagaimana konflik ditangani. Konflik dapat diselesaikan melalui berbagai cara, baik melalui institusi formal yaitu mahkamah yang disediakan oleh negara, maupun melalui institusi-institusi lain yang tidak rasmi yang diizinkan juga oleh negara (Suparman, 2004)

Dalam beberapa masyarakat ada kecenderungan untuk menyelesaikan konflik melalui mahkamah, namun ada pula masyarakat yang lebih suka menyelesaikan konflik melalui institusi-institusi lain di luar mahkamah. Alasan kebudayaan menyebabkan beberapa masyarakat cenderung mengenyampingkan mahkamah sebagai tempat penyelesaian konflik yang timbul di antara mereka. Pada awalnya mahkamah dijadikan sebagai pilihan pertama dan terakhir dalam penyelesaian konflik. Selama beberapa dekad masyarakat di berbagai negara memberikan kepercayaan kepada mahkamah untuk mengelola konflik yang mereka hadapi, dengan harapan akan memperoleh keadilan sebagaimana yang disebutkan dalam

ketentuan perundang-undangan. Akan tetapi faktanya mahkamah tidak mampu memenuhi harapan masyarakat yang mencari keadilan. Banyak keluhan yang timbul terhadap kinerja mahkamah yang dinilai tidak bebas dan biaya mahal.

Dengan munculnya penyelesaian konflik alternatif ini, mahkamah hanya dijadikan sebagai pilihan terakhir oleh berbagai pihak untuk menyelesaikan konflik. pihak yang berkonflik baru akan mengajukan masalahnya ke mahkamah apabila mekanisme penyelesaian konflik alternatif tidak mampu menyelesaikannya. Di Indonesia sendiri, disamping mahkamah sebagai institusi penyelesaian konflik yang keberadaannya diakomodir oleh Negara melalui UU Nombor. 4 Tahun 2004 tentang Kuasa Mahkamah, terdapat juga institusi penyelesaian konflik lain yang mengacu pada institusi adat dan agama. Hal tersebut dilatarbelakangi kerana adanya keberagaman perundangan yang berlaku di Indonesia, dimana undang-undang yang berlaku bukan hanya undang-undang yang berasal dari pemerintah atau negara, tapi juga undang-undang atau peraturan yang berasal dari adat kebiasaan masyarakat, serta aturan yang berasal dari ajaran-ajaran agama.

Di samping mahkamah sebagai lembaga formal penyelesaian konflik, terdapat juga lembaga alternatif penyelesaian konflik tidak formal yang keberadaannya mengacu kepada aturan adat dan budaya. Aturan yang umumnya berlaku dalam masyarakat yang diliputi semangat kebersamaan. Memandang manusia atau individu sebagai bagian dari masyarakat. Setiap individu harus berupaya mencegah timbulnya

konflik, dalam erti membina hubungan yang seimbang antara pasangan-pasangan dalam kehidupan,

Dalam masyarakat hukum adat sudah sejak lama konflik-konflik yang terjadi diselesaikan secara musyawarah dan mufakat melalui lembaga-lembaga adat seperti mahkamah Desa atau yang disebut dengan mahkamah adat. Biasanya yang bertindak sebagai pengadil dalam lembaga tersebut adalah tokoh-tokoh adat (kepala adat) dan ulama. Kewenangan dari mahkamah adat ini tidak semata-mata terbatas pada perdamaian saja, tetapi juga kekuasaan memutus konflik dalam semua perkara (Hadikusuma,1992). Dalam hal ini proses penyelesaian konflik dilakukan berdasarkan tiga asas kerja untuk menghadapi perkara-perkara adat, yaitu asas rukun, patut dan keselarasan (Koesnoe, 1974)

Hampir di seluruh Indonesia terdapat lembaga mahkamah ini, walaupun dengan nama yang berbeza-beza, seperti contohnya di Tapanuli, Minangkabau, Sulawesi Selatan dan Bali. Masyarakat Batak Karo terdapat Lembaga Musyawarah Desa yang disebut runggun adat yang berfungsi memeriksa dan menyelesaikan konflik yang timbul dalam masyarakat. Lembaga ini beranggotakan *anak Beru, Senina*, dan *Kalimbubu*. Di daerah Toraja, masyarakat biasanya mengajukan konflik mereka kepada suatu dewan yang berfungsi menyelesaikan konflik, yang disebut *hadat*. Dewan tersebut beranggotakan orang-orang yang menjadi pimpinan dalam suatu Desa. Berkaitan dengan konflik yang diajukan, dewan tersebut bersidang

untuk menentukan siapa yang harus dipersalahkan dan hukuman apa yang dijatuahkan. Di Bali, terdapat *Desa Adat* yang kekuasaannya diwujudkan dalam *Sangkepan* (mensyuarat) Desa adat, yaitu suatu forum yang membahas masalah-masalah tertentu yang sedang dihadapi. Di Minangkabau dikenal Lembaga Mahkamah Desa yang disebut *Kerapatan Adat Nsupayai* (KAN). Sementara di Aceh pula dikenal Lembaga Adat Aceh. Institusi ini mempunyai kuasa untuk menyelesaikan semua perkara yang terjadi dalam kehidupan bermasyarakat di Aceh, polis baru mengambil alih perkara yang terjadi seumpama lembaga adat tidak mampu untuk menyelesaikannya.

Bila ditelusuri jejak sejarah Aceh, akan ditemukan bahwa lembaga agama dan lembaga adat istiadat berakar dalam masyarakat. Semboyan "*Hukom ngon adat han jeuet cre, lagee zat ngon sifeut*" (Ibrahim Alfian, 1999) syariat dan adat tidak dapat dipisahkan seperti zat tuhan dengan sifatnya. Pandangan dunia etnis Aceh tentang hal tersebut tercermin dari tulisan seorang ulama besar pada abad XIX, Sheikh Abbas Ibnu Muhammad alias Teungku Chik Kutakarang yang menulis dalam kitabnya *Tadhkirad a rakidin* (1889), antara lain sebagai berikut "*adat ban adat hukom ban hukom, adat ngon hukom sama keumba. Tatkala mufakat adat ngon hukom, nanggroe seunang hana goga*". Maknanya "Adat menurut adat, perundangan syariat menurut perundangan syariat. Adat dengan perundaangan syariat tidak dapat dipisahkan. Tatkala mufakat adat dengan perundangan, negeri senang tanpa huru hara. Dalam masyarakat Aceh sebutan adat sangat populer

untuk keseluruhan tatanan kehidupan, baik yang menyangkut dengan fungsi aturan adat maupun berkenaan dengan fungsi adat istiadat. Dalam pengertian adat istiadat atau *reusam* yang berlaku pada suatu tempat, biasanya berbeza antara satu dengan lainnya.

Dalam pelaksanaannya, sistem penanganan penyelewengan pilihan raya di Kota Lhokseumawe lebih banyak dilakukan berdasarkan aturan adan budaya tempatan, sekaligus untuk menyesuaikan dengan keadaan daerah. Dalam undang-undang pilihan raya sendiri kebijakan seperti itu memang dibenarkan tanpa merosak mekanisme formal sebagaimanana diatur dalam perundang-undangan negara. Dengan adanya inisiatif dan kearifan tempatan anggota panitia pengawasan, penerimaan laporan yang dalam alur pentadbirannya harus masuk melalui bahagian penerimaan laporan yang merupakan staf sekretariat dapat diterima langsung oleh anggota panitia pengawasan yang sedang berada dipejabat, penerimaan laporan oleh anggota Pengawasan langsung dimanfaatkan untuk meminta keterangan atau tanggapan lebih jauh dari pelapor sebelum dilakukan verifikasi. Dengan demikian siasatan terhadap laporan juga dapat langsung dilakukan oleh panitia pengawasan terutama koordinator pelaporan tanpa harus menunggu siasatan awal dari bahagian laporan.

Keputusan terhadap status laporan lebih cepat dapat ditetapkan sekaligus menindak lanjuti sesuai ketentuan peraturan perundangan, yakni meneruskan

kepada Jawatan Kuasa Pilihan Raya jika mengandung unsur penyelewengan pentadbiran, dan diteruskan kepada polis jika didapati penyelewangan bersifat jenayah, atau diselesaikan sendiri panitia pengawasan kalau yang bersifat konflik melalui penyelesaian konflik pilihan raya.

Dalam keseluruhan aspek aktiviti kehidupan manusia, konflik yang oleh para ilmuan diibaratkan sebagai hal yang tidak dapat dihindari, kerana itu merupakan kejadian yang susah untuk dicegah meskipun telah ada aturan perundangan mahupun begitu halnya dalam aktiviti pelaksanaan pilihan raya, berbagai kepentingan dari berbagai pihak yang saling berusaha mencapai tujuan telah berakibat kepada lahirnya konflik. Ini kerana disebabkan saling memaksaan kepentingan. dalam hal ini mungkin sangat tepat yang menyebutkan penyelewangan dan konflik merupakan proses dimana para pihak saling memaksa kepentingan sendiri dengan berusaha menggagalkan tujuan yang ingin dicapai pihak lain.

Dari ketiga tahapan formal penyelesaian konflik. mekanisme musyawarah dan mufakat menjadi langkah awal dalam menangani pihak yang berkonflik. Hal ini juga menandakan bahawa asas kekeluargaan sebagaimana diamanatkan oleh pancasila merupakan pilihan utama yang ditempuh guna menyamakan pandangan pihak yang berkonflik, dalam tahapan ini peranan panitia pengawasan lebih identik sebagai orang bijak dalam menengahi pihak berkonflik, kerana itu partisipasi para pihak didorong untuk menyelesaikan sendiri permasalahannya. Berbeza dengan

tahapan musyawarah, ketegasan panitia pengawasan mulai dituntut ketika memasuki tahapan penyelesaian konflik yang kedua, iaitu penyelesaian konflik dengan alternatif-alternatif dari pihak panitia pengawasan. Tahapan ini merupakan kelanjutan dari akibat gagalnya proses musyawarah, dalam pertemuan ini para pihak yang berkonflik dijemput kembali ke pejabat panitia pengawasan untuk mendengar alternatif penyelesaian yang diajukan Panitia Pengawas. Jika tawaran alternatif juga tidak dapat diterima masing-masing pihak, maka klimak dari proses penyelesaian konflik ini adalah tahapan penyelesaian dengan putusan final panitia pengawas, keputusan final ini ditetapkan oleh panitia pengawasan melalui perbincangan dengan pertimbangan data yang lengkap dan keterangan para pihak dalam tahapan sebelumnya.

Kekuatan perundangan panitia pengawasan sebagai lembaga formal yang diatur dalam undang-undang jelas terlihat dari putusan akhir dalam penanganan konflik pemilihan raya. Putusan akhir oleh pengawasan tentu akan mengikat para pihak kerana harus dijalankan oleh penyelenggara pilihan raya. Jika ada pihak yang menolak atau tidak melaksanakan putusan pengawasan tersebut, maka secara perundangan dianggap batal. Pengawasan pilihan raya dapat meminta bantuan polis jika ada pihak yang tidak mematuhi lembaga yang menjalankan undang-undang.

D. DAFTAR PUSTAKA

Adab, Buku 3, 2003, Lokakarya nasional bagi fasilitator lokal NTT, Maluku dan Papua dalam program pendidikan pemilih menyongsong Pemilu 2004, Hotel Santika Bali, 4-8 Desember 2003.

Ahmad Nadir, 2005. *Pilkada langsung dan masa depan demokrasi di Indonesia*, Malang: Averroes Press.

Al-Chaidar. 1999. *Gerakan Aceh Merdeka, jihad rakyat Aceh mewujudkan Negara Islam*, Jakarta: Madani Press.

Al-Chaidar.1998. *Aceh bersimbah darah*, Jakarta: Al-kausar.

Amir F. Kotarumalos. 2008. Pemilihan kepala daerah langsung: suatu upaya membangun demokrasi di ranah lokal. *Hipotesa*, Vol. 3 No. 1 mei 2008.

Anas Machmud, 1989. Turun naiknya peranan Kerajaan Aceh Darussalam di pesisir Timur Sumatra, dalam A. Hasymy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Jakarta: Almaarif.

Atoillah karim. 2008. Pengawasan ideal dalam pemilu Gubernur Jawa Barat 2008. *Jurnal Yustitia*.

Azyumardi Azra.2006. *Jaringan ulama Timur Tengah dan Nusantara*, Jakarta: Prenata Media.

Busman Edyar, 2009. *Sejarah peradaban Islam*, Jakarta: Pustaka Asatruss.

Badri Yatim, 1998. *Sejarah Islam di Indonesia*, Jakarta: Departemen pendidikan Agama.

Badruzzaman Ismail, 2007, *Mesjid dan adat meunasah sebagai sumber energi budaya Aceh*, Banda Aceh, Majelis Adat Aceh.

Bogdan, R., & Biklen, S. 1992. *Qualitative research for education*. Boston, MA: Allyn and Bacon

Budiardjo, Miriam (penyunting), 1982. *Partispasi dan partai politik*. Jakarta: YOI.

Carlo M. Cipolla, 1965. *Guns and Sail in the Early phase of European expansion 1400-1700*. London: Collins

Cohen, Carl. 1971. *Democracy*. United States of Amerika: University of Georgia Press

Cresswell, J. 1998. *Researchn desig: qualitative & quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.

- Dedi Supriyadi, 2008. *Sejarah peradaban Islam*, Bandung: Pustaka Setia.
- Dewi Haryanti. 2011. Pelaksanaan tugas dan wewenang panitia pengawas pemilihan umum kota dalam penyelenggaraan pemilihan umum anggota legislative tahun 2009 dikota Tanjung Pinang. *Jurnal Fisip Umrah* Vol. 2, 2011: 141-155.
- Dr. M. Isa Sulaiman. 2000. *Aceh Merdeka; Ideologi, kepemimpinan dan gerakan*, Jakarta: Pustaka Al-Kausar.
- DR. Tengku Hasan M. Di Tiro. 1981. *The prince of freedom (The Unfinisayed Diary)*, Sweden: Information Departemen National Liberation Front Aceh Sumatra.
- Dahl, Robert A. 1996. *Political opposition in western democracies*. New Haven and London: Yale University Press.
- _____. 1972. *Polyarchy: Participation and opposition*. New Haven: Yale Universiti Press.
- Eman Suparman, 2004, *Pilihan forum arbitrase dalam sengketa komersial untuk penegakan keadilan*, Jakarta: Tata Nusa
- Ginsberg, Benjamin, 2007. *We the people: An introduction to American politics*. New York: W. W Norton & Company
- Huntington, Samuel P. 1971. *The thirt wave: Democratization in the late twentieth Century*. London: University of Oklahoma Press.
- _____. 1996. *The Class of civilization and the remaking of world order*. New Delhi: Penguin Books.
- _____. dan Joan Nelson, *Partisipasi politik di negara berkembang*, (Jakarta: Rineka Cipta, 1990) h. 9-10.
- Harris, Peter B. 1997. *Foundations of political science*. London: Hutchinson
- Harrison, Brian. 1957. *South-east Asia a short history*, London: Macmillan & Co.Ltd.
- Hidayat, Gunawan, 2004, *panduan pendidikan pemilih dan pemantauan pemilu 2004*, Jakarta JPPR
- Hikam, Muhammad, 1999, *Politik Kewarga Negaraan* (Landasan Demokratisasi di Indonesia), Jakarta, Erlangga.